



**SURAT PEKELILING KEWANGAN
BILANGAN 18 TAHUN 2023**

**JADUAL KERJA PERALIHAN PROSES KEWANGAN
BAGI PENSTRUKTURAN SEMULA FAKULTI
KEJURUTERAAN DAN FAKULTI TEKNOLOGI
KEJURUTERAAN**

Pejabat Bendahari

1 September 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (37)

1 September 2023

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 18/2023

JADUAL KERJA PERALIHAN PROSES KEWANGAN BAGI PENSTRUKTURAN SEMULA FAKULTI KEJURUTERAAN DAN FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkaitan **tarikh-tarikh penting urusan peralihan proses kewangan** berhubung keputusan Universiti terhadap kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3 Tahun 2023 mengenai penstrukturan semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- 1.2 Fakulti sedia ada yang terlibat dengan penstrukturan semula seperti mana yang dinyatakan pada Pekeliling Pentadbiran Bilangan 32 Tahun 2023 adalah seperti berikut:
 - 1.2.1 Fakulti Kejuruteraan:
 - (i) Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)
 - (ii) Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)
 - (iii) Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)
 - (iv) Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)
 - 1.2.2 Fakulti Teknologi Kejuruteraan
 - (i) Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)
 - (ii) Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Selaras dengan hala tuju akademik Universiti dan sejajar dengan Pelan Strategik UTeM 2023-2025, adalah menjadi keutamaan Universiti untuk memberi penekanan dalam memperkasa TVET (Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional) dengan membuat penstrukturan semula empat (4) Fakulti Kejuruteraan dan dua (2) Fakulti Teknologi Kejuruteraan kepada empat (4) Fakulti mengikut fokus bidang Kejuruteraan dan Teknologi iaitu Elektrik dan Mekatronik, Elektronik dan Komputer, Mekanikal serta Pembuatan seperti pelaksanaan berikut:

Bil.	Fakulti Sebelum Penstrukturan/ Fakulti Sedia Ada	Fakulti Selepas Penstrukturan/ Fakulti Baharu
1.	Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE)
2.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	
3.	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK)
4.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE)	
5.	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM)
6.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)	
7.	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP)
8.	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP)	

- 2.2 Semua staf dan pelajar Universiti telah diminta untuk mengambil maklum mengenai penstrukturan semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan yang akan **berkuat kuasa mulai 15 September 2023**.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, Pejabat Bendahari mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan ini bagi menerangkan proses kewangan dan tarikh-tarikh penting yang perlu diberi perhatian oleh semua Fakulti yang terlibat seperti yang dinyatakan pada Para 2.1 berhubung proses penstrukturan semula Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.

3.0 TANGGUNGJAWAB DEKAN FAKULTI

- 3.1 Dekan Fakulti yang berkaitan adalah bertanggungjawab memastikan Fakulti masing-masing atau pegawai bertanggungjawab **memberi perhatian** kepada perkara-perkara yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Kewangan ini.
- 3.2 Dekan Fakulti yang berkaitan juga dinasihatkan agar membuat perancangan perolehan dan pembayaran berkaitan program Fakulti yang akan dilaksanakan dengan **mengambil kira tarikh-tarikh** yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling Kewangan ini.

4.0 PERALIHAN PROSES KEWANGAN YANG PERLU DIBERI PERHATIAN

- 4.1 Peralihan proses kewangan ini terpakai untuk **semua jenis peruntukan/Kumpulan Wang** melibatkan peruntukan/bajet yang ada di Fakulti-fakulti yang berkaitan.
- 4.2 **Penetapan Kod PTj dan Zoning**
- 4.2.1 Pejabat Bendahari akan membuat **pengaktifan Kod Fakulti baharu (Kod PTj) mulai tarikh 15 September 2023** seperti butiran berikut:

Bil.	Fakulti Baharu	Singkatan	Kod PTj	Kod Komited
1.	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik	FTKE	900000	620000
2.	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer	FTKEK	910000	630000
3.	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal	FTKM	920000	640000
4.	Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan	FTKIP	930000	650000

4.2.2 Tertakluk kepada lokaliti Pegawai yang diberi kuasa di Fakulti baharu, lokasi dan penetapan Zon Kewangan adalah berdasarkan kedudukan Fakulti baharu mengikut kesesuaian.

4.3 Perwakilan Kuasa Kewangan dan Akses

4.3.1 Surat Kuasa Pengesahan Dokumen Pembayaran kepada Dekan Fakulti sedia ada akan dikeluarkan pihak Pejabat Bendahari **selewat-lewatnya pada 15 September 2023** bagi tujuan pemberian kuasa untuk **mengesahkan dokumen pembayaran** selepas tempoh kuat kuasa penstrukturan yang melibatkan Pesanan Tempatan dan lain-lain pembayaran yang belum selesai bagi Fakulti sedia ada. Pemberian kuasa bagi tujuan mengesahkan dokumen pembayaran ini adalah **sah sehingga 31 Disember 2023**.

4.3.2 Pejabat Bendahari dan Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi, Pejabat Ketua Pegawai Maklumat hendaklah memastikan **akses** kepada Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) melibatkan Fakulti baharu **diaktifkan pada 15 September 2023**.

4.4 Pengurusan Bajet

4.4.1 Fakulti hendaklah memastikan semua proses perbelanjaan menggunakan peruntukan/bajet sedia ada diselesaikan **selewat-lewatnya pada 14 September 2023**.

- 4.4.2 Unit Bajet, Pejabat Bendahari akan membuat **penarikan apa-apa baki peruntukan/bajet** di Fakulti sedia ada yang tidak dibelanjakan berdasarkan rekod di SMKB pada **15 September 2023**.
- 4.4.3 Penyaluran peruntukan/bajet kepada Fakulti baharu oleh Unit Bajet akan dilaksanakan berdasarkan jumlah baki peruntukan/bajet yang telah ditarik seperti perincian berikut:
- (i) penyaluran melibatkan baki peruntukan/bajet daripada FKE, FKEKK, FKP dan FKM (termasuk baki Tabung Kewangan Fakulti) akan dibuat **selewat-lewatnya pada 22 September 2023**; dan
 - (ii) penyaluran melibatkan baki peruntukan/bajet daripada FTKEE dan FTKMP (termasuk baki Tabung Kewangan Fakulti) akan dibuat selewat-lewatnya pada **29 September 2023**.
- 4.4.4 Aktiviti penarikan dan penyaluran baki peruntukan/bajet ini melibatkan proses semakan, sokongan sehingga kelulusan Pihak Berkuasa Universiti yang akan dilaksanakan di peringkat Pejabat Bendahari.
- 4.4.5 Berdasarkan Para 4.4.3 (ii), tempoh selesai penyaluran dan penentuan baki peruntukan daripada FTKEE dan FTKMP yang akan diagihkan kepada Fakulti baharu adalah **tertakluk kepada penetapan maklumat baki yang perlu diagihkan kepada Fakulti baharu**.
- 4.4.6 Hanya satu (1) Tabung Kewangan PTj (Fakulti) dibenarkan untuk dikendalikan di bawah kawalan Ketua PTj yang mana Ketua PTj boleh menetapkan sebarang perbelanjaan iaitu melibatkan perbelanjaan operasi serta pembelian aset (jika perlu). Sehubungan itu, **baki daripada Tabung Kewangan Fakulti sedia ada akan dipindahkan terus kepada Tabung Kewangan Fakulti baharu** yang akan ditubuhkan oleh Pejabat Bendahari. Manakala baki daripada Tabung Kewangan FTKEE dan FTKMP akan **diagihkan berdasarkan jumlah yang ditentukan oleh Dekan FTKEE dan FTKMP**.

4.5 **Perolehan dan Pesanan Tempatan**

4.5.1 Penetapan tarikh tutup permohonan pembelian oleh Fakulti sedia ada dibuat bagi memastikan proses perolehan dan perbelanjaan dapat disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. **Semua jenis pembelian** melibatkan peruntukan/bajet Fakulti sedia ada akan ditutup pada **7 September 2023**.

4.5.2 Permohonan pembelian atau penyediaan Pesanan Tempatan melibatkan Fakulti baharu boleh dibuat **mulai 25 September 2023**.

4.6 **Panjar Wang Runcit (PWR)**

4.6.1 Fakulti perlu menyerahkan Perakuan PWR ke Zon Kewangan **selewat-lewatnya pada 7 September 2023** berserta dokumen sokongan yang telah disahkan bersama-sama Resit Rasmi bayaran baki wang PWR. Serahan baki wang tunai PWR ke Unit Terimaan dan Hasil boleh dibuat **sebelum 7 September 2023**.

4.6.2 Permohonan wang tunai PWR oleh Fakulti baharu boleh dibuat **mulai 15 September 2023** yang mana agihan PWR oleh Pejabat Bendahari akan dibuat **mulai 21 September 2023**.

4.7 **Pendahuluan Diri dan Pelbagai dan Pendahuluan Kad Korporat**

4.7.1 Permohonan Pendahuluan Diri dan Pelbagai melibatkan staf Fakulti sedia ada perlu dikemukakan ke Zon Kewangan **selewat-lewatnya pada 7 September 2023**.

4.7.2 Pelarasan Pendahuluan Pelbagai dan Laporan Penyesuaian Kad Korporat hendaklah diselesaikan dan dihantar kepada Zon Kewangan **selewat-lewatnya pada 7 September 2023**.

4.7.3 Proses permohonan Kad Korporat melibatkan Fakulti baharu boleh dikemukakan kepada Pejabat Bendahari pada **15 September 2023**.

4.8 **Pembayaran**

4.8.1 Semua bil atau invois yang diterima oleh Fakulti perlu diselesaikan dengan kadar segera **tidak lewat dari 14 hari** dari tarikh diterima dengan lengkap.

4.8.2 Fakulti adalah diingatkan supaya mengemukakan **Borang Pengesahan Pembayaran Bekalan/Perkhidmatan/Kerja/Lain-lain** berserta dokumen sokongan yang lengkap termasuk dokumen pendaftaran aset tetap/inventori dan penyelenggaraan aset (jika berkenaan) ke Zon Kewangan **selewat-lewatnya pada 7 September 2023**.

4.8.3 Bagi memastikan proses pembayaran dapat dilaksanakan dengan teratur, Pegawai Aset Fakulti perlu membuat sokongan bagi pendaftaran aset tetap/inventori dan penyelenggaraan aset di Sistem Maklumat Pengurusan Aset (SMPA) **selewat-lewatnya pada 4 September 2023**.

4.8.4 Permohonan pembayaran melibatkan Fakulti baharu akan mula dibuka pada **25 September 2023**.

4.8.5 Semua Tuntutan Perjalanan staf Fakulti sedia ada hendaklah diselesaikan dan dihantar ke Zon Kewangan **selewat-lewatnya pada 10 September 2023**

4.9 **Invois Tuntutan dan Serahan Wang/Buku Resit/Kupon**

4.9.1 Permohonan pengeluaran Invois Tuntutan kepada pihak luar yang telah lengkap disokong Dekan Fakulti perlu dikemukakan ke Unit Kawalan Kredit pada atau **sebelum 14 September 2023**.

4.9.2 Staf Fakulti yang telah diberi kuasa untuk membuat kutipan wang hendaklah menyerahkan Buku Resit/Buku Kupon ke Unit Terimaan dan Hasil **selewat-lewatnya pada 14 September 2023.**

4.9.3 Permohonan pengeluaran Invois Tuntutan dan permohonan Buku Resit/Kupon bagi Fakulti baharu boleh dibuat mulai **15 September 2023.**

4.10 Pengurusan Aset dan Stor

4.10.1 Fakulti adalah diingatkan untuk menyelesaikan aktiviti pemeriksaan aset bagi tujuan penyediaan dan pengemaskinian senarai/rekod aset yang terdapat di Fakulti dan mengesahkan kedudukan baki stok semasa bagi tujuan penyerahan kepada Fakulti baharu.

4.10.2 Aktiviti pemeriksaan aset/stok dan penyediaan senarai aset/stok yang telah dikemaskini termasuk mengenalpasti aset-aset yang terlibat dengan perpindahan hendaklah selesai **selewat-lewatnya pada 14 September 2023.**

4.10.3 Urusan penamaan Pegawai Aset/Penolong Pegawai Aset/Pegawai Stor dan yang berkaitan bagi tujuan pelantikan di peringkat Universiti/Fakulti baharu boleh dibuat **mulai 18 September 2023.**

4.10.4 Proses pengemaskinian penempatan semula aset yang mengandungi maklumat lokasi penempatan dan Pegawai Penempatan terkini dan pengemaskinian Daftar Stor dan Stok di Fakulti baharu boleh dibuat **mulai 18 September 2023.**

4.10.5 Dekan Fakulti adalah bertanggungjawab untuk memastikan Pegawai Aset dan Jawatankuasa Pemeriksa Aset di Fakulti mengambil perhatian dalam melaksanakan aktiviti pemeriksaan dan pengemaskinian rekod aset/stok bagi mengelakkan sebarang kemungkinan kehilangan.

5.0 RUMUSAN

- 5.1 Semua urusan atau proses kewangan yang berkaitan perlu dikemukakan ke Pejabat Bendahari pada tarikh-tarikh yang telah ditetapkan termasuk serahan dokumen pembayaran ke Zon Kewangan bagi memastikan peralihan proses kewangan melibatkan penstrukturan semula Fakulti ini berjalan dengan lancar seperti yang ditetapkan.
- 5.2 Jadual kerja proses kewangan dan tarikh akhir proses yang terlibat disenaraikan seperti di **Lampiran 1** sebagai rujukan.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

MJ/UPS/SPK 18-2023

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PEJABAT BENDAHARI**

**JADUAL KERJA PERALIHAN PROSES KEWANGAN
- PENSTRUKTURAN FAKULTI (FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP)**

Bil.	Proses Kerja	Tindakan	Tarikh Akhir Proses
A. Penetapan Kod PTj & Zoning			
1.	Pengaktifan Kod Fakulti baharu (Kod PTj) & Singkatan: 900000 : FTKE 620000 : Komited FTKE 910000 : FTKEK 630000 : Komited FTKEK 920000 : FTKM 640000 : Komited FTKM 930000 : FTKIP 650000 : Komited FTKIP	Pejabat Bendahari, Pejabat Pendaftar & PPPK	15/09/2023
2.	Penetapan perubahan <i>Zoning</i> mengikut Fakulti baharu & lokasi <i>Zoning</i> berdasarkan kedudukan Fakulti baharu. <ul style="list-style-type: none"> • <i>mengikut lokaliti Pegawai yang diberi kuasa</i> 	Pejabat Bendahari	15/09/2023
B. Perwakilan Kuasa Kewangan & Akses			
3.	Surat Kuasa Mengesahkan Dokumen Pembayaran kepada Dekan Fakulti sedia ada melibatkan perbelanjaan Fakulti sedia ada (pemberian kuasa sehingga 31/12/2023).	Pejabat Bendahari	15/09/2023
4.	Pemberian akses SMKB bagi Fakulti baharu.	Pejabat Bendahari & PPPK	15/09/2023
C. Pengurusan Bajet			
5.	Penyelesaian semua proses perbelanjaan menggunakan peruntukan/bajet sedia ada bagi Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	14/09/2023
6.	Proses penarikan baki peruntukan/bajet sedia ada bagi Fakulti sedia ada dalam SMKB oleh Unit Bajet.	Pejabat Bendahari	15/09/2023
7.	<i>Nota: Senarai proses yang terlibat di peringkat Pejabat Bendahari berhubung penarikan & penyaluran baki peruntukan/bajet:</i> <ul style="list-style-type: none"> • <i>proses semakan, sokongan dan kelulusan pemulangan (penarikan) baki peruntukan Fakulti sedia ada dalam SMKB.</i> • <i>proses semakan, sokongan dan kelulusan penyaluran baki peruntukan kepada Fakulti baharu di dalam SMKB.</i> • <i>penentuan agihan baki peruntukan/bajet oleh Dekan Fakulti baharu bersama Dekan Fakulti sedia ada.</i> • <i>penentuan agihan baki Tabung Kewangan Fakulti sedia ada ke Tabung Kewangan Fakulti baharu oleh Dekan Fakulti sedia ada.</i> 	Pejabat Bendahari, Dekan FTKEE & FTKMP & Dekan Fakulti baharu	

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PEJABAT BENDAHARI

JADUAL KERJA PERALIHAN PROSES KEWANGAN
- PENSTRUKTURAN FAKULTI (FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP)

Bil.	Proses Kerja	Tindakan	Tarikh Akhir Proses
8.	Penyaluran peruntukan/bajet kepada Fakulti baharu dalam SMKB melibatkan baki bajet FKE, FKEKK, FKP & FKM (termasuk baki Tabung Kewangan Fakulti).	Pejabat Bendahari	22/09/2023
9.	Penyaluran peruntukan/bajet kepada Fakulti baharu dalam SMKB melibatkan baki bajet FTKEE & FTKMP (termasuk baki Tabung Kewangan Fakulti).		29/09/2023
D. Pengurusan Pembelian/Perolehan (Pesanan Tempatan)			
10.	Permohonan Pembelian melibatkan Fakulti sedia ada.	Pejabat Bendahari, FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	07/09/2023
11.	Permohonan Pembelian/Pesanan Tempatan bagi Fakulti baharu.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	25/09/2023
E. Pengurusan Panjar Wang Runcit (PWR)			
12.	Serahan Baki Wang Tunai Panjar Wang Runcit (PWR) dan Perakuan PWR untuk Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	07/09/2023
13.	Permohonan peruntukan Panjar Wang Runcit (PWR) bagi Fakulti baharu.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	15/09/2023
14.	Agihan Panjar Wang Runcit (PWR) bagi Fakulti baharu.	Pejabat Bendahari	21/09/2023
F. Pengurusan Pendahuluan			
15.	Permohonan Pendahuluan Diri dan Pelbagai melibatkan staf di bawah Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	07/09/2023
16.	Pelarasan Pendahuluan Pelbagai dan Penyesuaian Kad Korporat bagi Fakulti sedia ada.		07/09/2023
17.	Permohonan Kad Korporat bagi Fakulti baharu.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	15/09/2023
G. Pengurusan Pembayaran			
18.	Penghantaran dokumen sokongan bagi penyediaan Permohonan Pembayaran dan bayaran balik melibatkan Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	07/09/2023
19.	Serahan Tuntutan Perjalanan staf melibatkan Fakulti sedia ada.		10/09/2023
20.	Permohonan Pembayaran melibatkan Fakulti baharu.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	25/09/2023

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PEJABAT BENDAHARI**

**JADUAL KERJA PERALIHAN PROSES KEWANGAN
- PENSTRUKTURAN FAKULTI (FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP)**

Bil.	Proses Kerja	Tindakan	Tarikh Akhir Proses
H. Sokongan Pegawai Aset PTj			
21.	Sokongan pendaftaran dan serahan dokumen Aset/Inventori serta penyelenggaraan aset di SMPA oleh Pegawai Aset melibatkan Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	04/09/2023
I. Pengurusan Invois Tuntutan & Terimaan			
22.	Permohonan pengeluaran Invois Tuntutan bagi Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	14/09/2023
23.	Penyerahan Wang/Buku Resit/Kupon bagi Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	14/09/2023
24.	Permohonan Invois Tuntutan dan Buku Resit/Kupon bagi Fakulti baharu.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	15/09/2023
J. Pengurusan Aset (Aset Tetap & Inventori)			
25.	Penyediaan dan pengemaskinian senarai/rekod aset Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	14/09/2023
26.	Mengenalpasti aset-aset yang akan dipindahkan.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	14/09/2023
27.	Pelantikan dan pengemaskinian maklumat Pegawai Aset/ Penolong Pegawai Aset Fakulti baharu.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	18/09/2023
28.	Pengemaskinian penempatan semula aset (maklumat lokasi penempatan dan nama Pegawai Penempatan).	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	18/09/2023
K. Pengurusan Stor			
29.	Pengemaskinian stok semasa di Fakulti sedia ada.	FKE, FKEKK, FKP, FKM, FTKEE & FTKMP	14/09/2023
30.	Pelantikan dan pengemaskinian Pegawai Stor dan yang berkaitan.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	18/09/2023
31.	Pengemaskinian Daftar Stor dan Stok di Fakulti baharu.	FTKE, FTKEK, FTKM & FTKIP	18/09/2023

Nota:

- *Fakulti baharu adalah Fakulti selepas penstrukturan iaitu Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE), Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (FTKEK), Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal (FTKM) & Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP).*
- *Fakulti sedia ada adalah melibatkan Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan.*